

03/05/1997

Abu Hassan sedia pikul amanah

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Abu Hassan Omar yang diumumkan sebagai bakal Menteri Besar Selangor yang baru, menganggap pemilihan itu sebagai penghormatan tertinggi oleh kepemimpinan negara kepada beliau.

Sambil menganggapnya satu tanggungjawab yang amat berat, beliau memerlukan kerjasama yang tidak berbelah bagi daripada semua pihak untuk memastikan pembangunan mapan di Selangor dan negara ini secara keseluruhannya.

Beliau yang meletakkan jawatan sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Ahli Parlimen Kuala Selangor pagi ini, berkata tumpuan seterusnya ialah untuk memastikan kemenangan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang.

"Saya rasa ini adalah penghargaan tertinggi oleh kepimpinan negara kepada saya untuk melaksanakan satu tugas dan tanggungjawab yang amat berat, bukan saja sebagai pegawai kerajaan tetapi ahli politik.

"Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan oleh Tuanku (Sultan Selangor), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bersetuju memilih saya memegang jawatan ini," katanya kepada pemberita di kediamannya, di sini hari ini.

Abu Hassan berkata, beliau memerlukan sokongan padu dan tidak berbelah bagi di kalangan pemimpin Badan Perhubungan Umno Selangor yang lain, khususnya bekas Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

(END)